

Surat khabar: Utusan Malaysia (Sabah & Sarawak)

Hari/Tarikh: 14/6/2013

Muka surat: 26

Tajuk : 'Pengalaman Kampus Terbaik Di Unimas'.

'Pengalaman kampus' terbaik di Unimas

KOTA SAMARAHAN 13 Jun

- Pihak pengurusan Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) bertekad menjadikan universiti tersebut sebagai satu 'pengalaman kampus' terbaik kepada pelajarinya.

Naib Canselor Unimas, Prof. Datuk Dr. Mohamad Kadim Suaidi berkata, tekad itu bukan omongan kosong, sebaliknya merupakan misi utama Unimas yang diyakini mampu direalisasikan menerusi komitmen padu warga universiti.

"Kewujudan Unimas sebagai sebuah universiti, pentadbir serta pensyarah adalah kerana adanya penuntut.

"Jadi, universiti mahu memperlihatkan langkah lebih efektif untuk mendekati penuntut sekaligus menghargai keberadaan penuntut sebagai kelompok istimewa yang perlu diberi perhatian," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan amanat dalam majlis lafaz ikrar oleh 721 penuntut program Asasi Sains Unimas sesi 2013/2015 sempena Majlis Aluan Pelajar (MAP) di kampus universiti itu, di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Prof. Dr. Fatimah Abang; Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Prof. Dr. Peter Songan; Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Prof. Mohd. Fadzil Abdul Rahman serta Dekan Pusat Pengajian Pra-Universiti, Dr. Sinin Hamdan.